

D.R. 21/2010

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Mahkamah Rendah 1948.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Mahkamah Rendah (Pindaan) 2010.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan am

2. Akta Mahkamah Rendah 1948 [*Akta 92*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dengan memotong perkataan “atau Mahkamah Penghulu” di mana-mana jua terdapat.

Pindaan seksyen 2

3. Subseksyen 2(1) Akta ibu dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas takrif “pemastautin tetap” takrif yang berikut:

‘ “Pendaftar” ertinya Pendaftar, Timbalan Pendaftar, Penolong Kanan Pendaftar atau Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah;’; dan

(b) dengan memotong takrif “Pengkulu”.

Pindaan seksyen 3**4.** Subseksyen 3(2) Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (b), dengan menggantikan koma bernoktah dengan noktah; dan
- (b) dengan memotong perenggan (c).

Pindaan seksyen 5**5.** Subseksyen 5(1) Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (b)—
 - (i) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “is” yang terdapat sebelum perkataan “issued” perkataan “if”; dan
 - (ii) dengan memasukkan selepas koma bernoktah perkataan “dan”;
- (b) dalam perenggan (c), dengan menggantikan perkataan “; dan” dengan koma; dan
- (c) dengan memotong perenggan (d).

Seksyen baru 5A**6.** Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 5 seksyen yang berikut:**“Pendaftar**

5A. (1) Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan Penolong Kanan Pendaftar hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas syor Ketua Hakim Negara.

(2) Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah hendaklah dilantik mengikut seksyen 106.”.

Pindaan seksyen 65

7. Seksyen 65 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1)—

- (i) dalam perenggan (a), dengan memotong perkataan “dan” yang terdapat di hujung perenggan itu;
- (ii) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “dua ratus lima puluh ribu ringgit.” dengan perkataan “satu juta ringgit; dan”; dan
- (iii) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:

“(c) tanpa menjejaskan keluasan perenggan (b), bidang kuasa untuk membicarakan segala tindakan dan guaman daripada jenis sivil bagi pelaksanaan spesifik atau pembatalan kontrak atau bagi pembatalan atau pembedulan surat cara, dalam bidang kuasa Mahkamah Sesyen.”; dan

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

“(5) Mahkamah Sesyen boleh, berkeenaan dengan apa-apa tindakan atau guaman dalam bidang kuasa Mahkamah Sesyen, dalam apa-apa prosiding di hadapannya—

(a) memberikan injunksi; dan

(b) membuat perisytiharan,

sama ada atau tidak apa-apa relief, tebus rugi atau remedi lain adalah atau boleh dituntut.”.

Pindaan seksyen 69

8. Seksyen 69 Akta ibu dipinda—

(a) dengan memotong perenggan (b), (c) dan (d); dan

(b) dalam perenggan (g), dengan memasukkan selepas perkataan “dalam” perkataan “membuat perisytiharan di bawah perenggan 65(5)(b) dan”.

Pindaan seksyen 73

9. Perenggan 73(b) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “dua ratus lima puluh ribu” dengan perkataan “satu juta”.

Pemotongan seksyen 86

10. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 86.

Pindaan seksyen 90

11. Seksyen 90 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “dua puluh lima” dengan perkataan “satu ratus”.

Pemotongan seksyen 91

12. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 91.

Pindaan seksyen 92

13. Seksyen 92 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “tiga” dengan perkataan “sepuluh”.

Pindaan seksyen 93

14. Subseksyen 93(1) Akta ibu dipinda dalam proviso dengan menggantikan perkataan ‘ “dua puluh lima” ’ dan perkataan ‘ “dua ratus lima puluh ribu” ’ dengan perkataan ‘ “satu ratus” ’ dan perkataan ‘ “satu juta” ’, masing-masing.

Pemotongan Bahagian VIII

15. Akta ibu dipinda dengan memotong Bahagian VIII.

Pemotongan seksyen 100

16. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 100.

Seksyen baru 101A

17. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 101 seksyen yang berikut:

“Kuasa Hakim Mahkamah Sesyen untuk mendengar perkara dalam kamar

101A. Tertakluk kepada batasan yang terkandung dalam Akta ini, Hakim Mahkamah Sesyen hendaklah mempunyai kuasa untuk mendengar apa-apa perkara atau prosiding dalam kamar.”.

Kecualian dan peralihan

18. Semua prosiding dan kes yang belum selesai yang telah didaftarkan di Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Tinggi sebelum mula berkuat kuasanya Akta ini tidak terjejas oleh Akta ini dan hendaklah diteruskan seolah-olah Akta ini telah tidak diperbuat.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Mahkamah Rendah 1948 (“Akta 92”).

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 92 untuk memasukkan takrif baru “Pendaftar” yang berbangkit daripada peruntukan mengenai pelantikan Pendaftar, Timbalan Pendaftar, Penolong Kanan Pendaftar dan Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah di bawah seksyen 5A dalam *fasal 6*.

4. *Fasal 6* bertujuan untuk memperuntukkan bagi pelantikan Pendaftar, Timbalan Pendaftar, Penolong Kanan Pendaftar dan Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah di bawah Akta yang dicadangkan selaras dengan peningkatan bidang kuasa sivil Mahkamah Sesyen.

5. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda seksyen 65 Akta 92 untuk meningkatkan bidang kuasa sivil Mahkamah Sesyen untuk membicarakan segala tindakan dan guaman daripada jenis sivil jika amaun yang dipertikaikan atau nilai hal perkara itu tidak melebihi satu juta ringgit. Sebagai tambahan, dengan pindaan yang dicadangkan ini, Mahkamah Sesyen hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan segala tindakan dan guaman daripada jenis sivil, tertakluk kepada bidang kuasanya, bagi pelaksanaan spesifik atau pembatalan kontrak

atau bagi pembatalan atau pembedulan surat cara. Selanjutnya, subseksyen (5) yang dicadangkan akan memberi kuasa kepada Mahkamah Sesyen untuk memberikan injunksi dan membuat perisytiharan, sama ada atau tidak apa-apa relief, tebus rugi atau remedi lain adalah atau boleh dituntut.

6. *Fasal 11* bertujuan untuk meminda seksyen 90 Akta 92 untuk meningkatkan bidang kuasa sivil Majistret Kelas Pertama selaras dengan peningkatan bidang kuasa sivil Mahkamah Sesyen. Ini adalah untuk membolehkan Majistret Kelas Pertama untuk membicarakan segala tindakan dan guaman daripada jenis sivil jika amaun yang dipertikaikan atau nilai hal perkara itu tidak melebihi satu ratus ribu ringgit.

7. *Fasal 13* bertujuan untuk meminda seksyen 92 Akta 92 untuk meningkatkan bidang kuasa Majistret Kelas Kedua selaras dengan peningkatan bidang kuasa Majistret Kelas Pertama. Ini adalah untuk membolehkan Majistret Kelas Kedua itu untuk membicarakan segala tindakan dan guaman daripada jenis sivil yang plaintif bertujuan untuk mendapat kembali hutang atau tuntutan jumlah tertentu wang yang kena dibayar oleh defendan yang tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

8. *Fasal 14* bertujuan untuk meminda seksyen 93 Akta 92 yang berbangkit daripada peningkatan bidang kuasa sivil Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret.

9. *Fasal 16* bertujuan untuk memotong seksyen 100 Akta 92 kerana siasatan permulaan mengenai kes yang boleh dibicarakan oleh Mahkamah Tinggi tidak lagi diadakan oleh Mahkamah Sesyen atau Mahkamah Majistret. Peruntukan yang berhubungan dengan tatacara ini dalam Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593] telah dipotong.

10. *Fasal 17* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 101A ke dalam Akta 92 mengenai kuasa Hakim Mahkamah Sesyen untuk mendengar apa-apa perkara atau prosiding dalam kamar. Ini adalah selaras dengan peningkatan bidang kuasa sivil Mahkamah Sesyen.

11. *Fasal 18* bertujuan untuk memperuntukkan peruntukan kecualian dan peralihan. *Fasal* ini memperuntukkan bahawa semua prosiding dan kes yang belum selesai yang telah didaftarkan di Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Tinggi sebelum mula berkuat kuasanya Akta ini tidak terjejas oleh Akta ini dan hendaklah diteruskan seolah-olah Akta ini telah tidak diperbuat.

12. Rang Undang-Undang ini, melalui *fasal 15*, juga bertujuan untuk memotong Bahagian VIII Akta 92 selaras dengan langkah untuk menghapuskan Mahkamah Penghulu. Pindaan dalam *fasal 2, 4, 5, 10* dan *12* ialah pindaan berbangkit berikutan daripada pemotongan Bahagian VIII.

13. Pindaan yang dicadangkan bagi seksyen 69 dan 73 Akta 92 dalam *fasal 8* dan *9* masing-masing ialah pindaan berbangkit yang disebabkan oleh langkah untuk meningkatkan bidang kuasa sivil Mahkamah Sesyen.

14. Pindaan lain yang tidak disebut secara khusus dalam Huraian ini ialah pindaan kecil atau berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini.

[PN(U²)2713]